# SEKTOR PENDIDIKAN (PKPP)

Dikemaskini pada 3 Mei 2021

## Merangkumi

- Pengoperasian asrama sekolah / Kolej Tingkatan Enam (KTE) / Kolej Vokasional (KV) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pergerakan murid pulang berhari raya Aidilfitri dan kembali ke asrama sekolah / KTE / KV.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

## Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

| | |
|---|---|
| **Waktu Cuti** | **Cuti hari raya pada 13 dan 14 Mei 2021**<br>**Cuti tambahan KPM sempena hari raya Aidilfitri ialah pada 11 dan 12 Mei 2021 (Selasa dan Rabu)** |

**SOP PENGURUSAN MURID ASRAMA PULANG SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • Semua murid dibenarkan pulang secara berperingkat sempena Hari Raya Aidilfitri mulai 6 Mei 2021 (Khamis) bagi sekolah / KTE / KV dalam Kumpulan A dan 7 Mei 2021 (Jumaat) bagi sekolah/KTE/KV dalam Kumpulan B.<br>• Murid perlu kembali semula ke sekolah/KTE/KV sebelum atau pada 12 Jun 2021 (Sabtu) bagi sekolah/KTE/KV Kumpulan A dan sebelum atau pada 13 Jun 2021 (Ahad) bagi sekolah/KTE/KV Kumpulan B.<br>• Sekolah/KTE/KV perlu menyediakan jadual pergerakan murid pulang dan kembali ke asrama.<br>• Bagi murid yang pulang menaiki bas yang disediakan oleh pihak sekolah/KTE/KV, ibu bapa/penjaga akan menjemput anak/anak jagaan di lokasi yang ditetapkan oleh sekolah/KTE/KV.<br>• Surat pengesahan bagi tujuan pergerakan ibu bapa/penjaga merentas negeri/zon akan dikeluarkan oleh pihak sekolah/KTE/KV bagi setiap murid. Hanya dua (2) orang sahaja dalam kalangan ibu bapa/penjaga dibenarkan dalam setiap kenderaan.<br>• Murid yang sedang dalam tempoh kuarantin perlu kekal berada di asrama sehingga tamat tempoh kuarantin. |
| Pengangkutan Murid | Kaedah pergerakan pulang murid adalah seperti berikut:<br>i. Menaiki bas yang disediakan oleh pihak sekolah/KTE/KV;<br>ii. Dijemput oleh ibu bapa/penjaga;<br>iii. Menggunakan pengangkutan udara atau air (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan); atau<br>iv. Menggunakan kenderaan sendiri (hanya untuk pelajar Tingkatan Enam dan pelajar KV). |

# SEKTOR PENDIDIKAN (PKPP)

Dikemaskini pada 3 Mei 2021

## Merangkumi

- Pengoperasian asrama sekolah / Kolej Tingkatan Enam (KTE) / Kolej Vokasional (KV) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pergerakan murid pulang berhari raya Aidilfitri dan kembali ke asrama sekolah / KTE / KV.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

## Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

| | |
|---|---|
| **Waktu Cuti** | **Cuti hari raya pada 13 dan 14 Mei 2021**<br>**Cuti tambahan KPM sempena hari raya Aidilfitri ialah pada 11 dan 12 Mei 2021 (Selasa dan Rabu)** |

**SOP PENGURUSAN MURID ASRAMA PULANG SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pengurusan Kesihatan | • Murid perlu menjalani saringan kesihatan sebelum menaiki kenderaan yang disediakan oleh sekolah/KTE/KV.<br>• Murid perlu sentiasa memakai pelitup muka dan mematuhi SOP yang ditetapkan sepanjang perjalanan.<br>• Kenderaan yang disediakan oleh sekolah/KTE/KV perlu disanitasi terlebih dahulu sebelum dinaiki oleh murid.<br>• Murid yang sihat sahaja dibenarkan kembali ke asrama dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin/tiada kontak rapat.<br>• Murid perlu mengemukakan borang pengisytiharan kesihatan apabila mereka kembali ke asrama. |